

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. NOOR AZMI GHAZALI
KAWASAN : BAGAN SERAI
TARIKH : 9.4.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 5

Y.B. DR. NOOR AZMI GHAZALI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kementerian dalam mempertahankan industri automotif negara sebagai pemangkin untuk memacu negara ke arah negara perindustrian dan maju serta mampu menyediakan 500,000 peluang pekerjaan dalam industri automotif serta apakah langkah baru yang dilaksanakan Kerajaan demi mengukuhkan industri agar dapat bersaing dan menarik pelaburan antarabangsa.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Industri automotif telah bermula dalam tahun 1920an dengan Ford memperkenalkan pengeluran kenderaan secara besar-besaran, dengan izin, *mass production*. Jumlah pengeluaran kenderaaan global pada masa itu yang hanya sebanyak puluhan ribu unit kini telah berkembang melebihi 70 juta unit. Industri automotif merupakan pemangkin kepada proses perindustrian dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Pada

masa ini, jumlah pekerjaan dalam industri automotif tempatan adalah sebanyak 550,000.

Industri automotif merupakan industri yang penting bagi Malaysia dalam merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju. Sebagai contoh, di negara-negara yang mempunyai industri automotif, sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah di antara 8 hingga 14 peratus. Sumbangan KDNK industri automotif di Amerika Syarikat adalah sebanyak 8 peratus, manakala di negara Jerman ianya adalah sekitar 14 peratus dan di Thailand sebanyak 10 peratus. Negara-negara ini mempunyai, dengan izin, *automotive city* atau *region* seperti Kentucky, Tennessee dan Alabama di Amerika Syarikat, Wolfsburg di negara Jerman, Toyota City di Nagoya, Jepun dan Rayong di Thailand.

Di Malaysia pula, *automotive city* terdapat di Shah Alam dan Sg. Choh di Selangor, Pekan di Pahang dan Pegoh, Melaka. Jumlah pekerjaan dalam sektor pengeluaran kenderaan dan komponen yang telah diwujudkan di setiap *automotive city* termasuk vendor adalah sebanyak 50,000 di Shah Alam, 30,000 di Sg. Choh, 5,000 di Pekan dan 3,000 di Pegoh. Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, Kerajaan mensasarkan bahawa pelaksanaan NAP akan mewujudkan lebih 180,000 peluang pekerjaan baharu dan meningkatkan sumbangan KDNK dari 3.4 peratus pada tahun 2013 kepada dua kali ganda pada tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai contoh PROTON bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 12,000 orang, malah telah melahirkan banyak syarikat pengeluar komponen dan alat

ganti kenderaan serta rangkaian pengedar atau wakil jualan tempatan. PROTON juga berjaya membangunkan keupayaan pengeluar komponen dan alat ganti tempatan ini sehingga mampu membekal kepada syarikat-syarikat pengeluar kenderaan dunia. Selain itu, PROTON telah berjaya meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri automotif.

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah NAP 2014, Kerajaan telah mensasarkan Malaysia untuk menjadi hab kenderaan bertenaga efisien (EEV) menjelang tahun 2020 dengan menarik lebih banyak pelaburan strategik. PERODUA telah mengembangkan operasi pengeluaran kenderaan dengan membina satu lagi kilang baharu di Sg. Choh, Selangor dengan kapasiti tambahan sebanyak 100,000 unit . Jumlah pelaburan tambahan PERODUA bagi projek pembesaran ini adalah sebanyak RM2.3 bilion. Selain itu, Honda telah melabur sebanyak RM1 bilion untuk meningkatkan pengeluaran kenderaan hibridnya dan Mazda pula telah melabur sebanyak lebih RM300 juta dan komited untuk menambah pelaburan sebanyak RM400 juta lagi. Pada tengahari ini, saya akan mengumumkan satu lagi pelaburan baharu dari negara China dengan sasaran jumlah pengeluaran sebanyak 100,000 unit. Pelaburan ini yang akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu sebanyak 5,000 melibatkan pelaburan sebanyak RM2 bilion. Pelaburan ini termasuk mewujudkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) berjumlah RM500 juta.

Di samping pelaburan baharu dalam pengeluaran kenderaan, Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran komponen bernilai tambah tinggi dan kritikal. Contohnya, Kerajaan telah menarik

syarikat Akashi Kikai dari Jepun untuk melabur sebanyak RM700 juta di Sendayan, Negeri Sembilan dalam pengeluaran sistem transmisi. Projek ini telah mewujudkan 400 lagi peluang pekerjaan baharu. Kerajaan juga sedang berunding dengan sebuah syarikat yang bercadang untuk melabur dalam pengeluaran sistem enjin. Pelaburan ini dijangka berjumlah RM2 bilion.

Bagi menarik pelaburan, insentif *customised* bagi pengeluaran kenderaan EEV dan pengeluaran komponen bernilai tambah tinggi dan kritikal bagi menyokong kenderaan EEV turut ditawarkan.

Dengan ini, industri automotif negara akan menjadi pemangkin untuk memacu negara ke arah negara perindustrian dan maju menjelang tahun 2020.